



## Ciri-Ciri Pengurusan Homestay Persendirian di Daerah Kota Belud, Sabah

Jabil Mapjabil<sup>1</sup>, Azlan Darhman<sup>2</sup>, Chai Ai Jing<sup>2</sup>, Fazira Muslim<sup>2</sup>, Frederica Joan Sepikit<sup>2</sup>,  
Keneddy Jurai Anak Pengiran<sup>2</sup>, Mohd Izzarulneezam Junaidi<sup>2</sup>, Nur Asitah Sultan<sup>2</sup>  
& Nur Hazirah Janoni<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Institut Kajian Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah

<sup>2</sup>Program Geografi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

Corresponding email: [jabil@ums.edu.my](mailto:jabil@ums.edu.my)

### Article Information

#### Keywords

Private homestay, tourism,  
rural, homestay entrepreneurs

### Abstract

The tourism sector in Sabah is boosted by 3.9 million tourist arrivals in 2018 with a growth rate of 9.2% compared to the previous year. This has led to an increased need in the accommodation sector. In Kota Belud, a diversity of tourism products has been introduced in addition to the *Tamu Besar Kota Belud* that is organised in October each year, all of which encourages the need for tourists' accommodation. As a result, the development of private homestays has been increasing over the last decade. To this end, this article aims to identify the characteristics of the private homestay management that is involved, including reviewing both the registration process at the homestay as well as the management of the homestay operators' performance. The design of the study that has been used is the qualitative method approach and through case study. Correspondingly, eight informants who are private homestay operators have been surveyed. In short, a private homestay is a significant accommodation alternative in the context of Kota Belud. As such, the role of the stake holder is relevant and important in making the private homestay more recognisable and competitive.

### Informasi Artikel

#### Kata Kunci

Homestay persendirian,  
pelancongan, luar bandar,  
pengusaha homestay

### Abstrak

Sektor pelancongan di Sabah adalah memberangsangkan dengan ketibaan pelancong mencecah 3.9 juta orang pada tahun 2018 dengan kadar pertumbuhan 9.2% berbanding tahun sebelumnya. Hal ini mendorong terhadap keperluan dalam sektor kemudahan penginapan. Di Kota Belud, kepelbagaian produk pelancongan yang diperkenalkan di samping Tamu Besar Kota Belud yang dianjurkan pada bulan Oktober setiap tahun mendorong terhadap keperluan penginapan kepada pelancong. Implikasinya, pembangunan homestay persendirian semakin meningkat sejak sedekad lalu. Untuk itu, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti ciri-ciri pengurusan homestay persendirian yang diusahakan termasuk meneliti tata cara pendaftaran di homestay berkenaan serta meninjau pengurusan yang dilakukan oleh pengusaha homestay. Reka bentuk kajian yang

digunakan ialah pendekatan kaedah kualitatif dan kajian kes. Untuk itu, seramai lapan informan dari kalangan pengusaha homestay persendirian telah dikaji. Ringkasnya, homestay persendirian adalah suatu alternatif kemudahan penginapan yang signifikan dalam konteks Kota Belud. Untuk itu, peranan pihak pemegang taruh adalah relevan dan penting dalam menjadikan homestay persendirian lebih dikenali dan berdaya saing.

## PENGENALAN

Pelancongan merupakan salah satu sumber pendapatan paling tinggi yang menyumbang terhadap ekonomi negara. Saban tahun, Malaysia menerima pelancong dari pelbagai negara, antaranya pelancong China, Jepun, Taiwan, Indonesia, Korea dan beberapa negara di Eropah. Statistik menunjukkan berlakunya peningkatan ketibaan pelancong dari dalam dan luar negara di Sabah pada Januari hingga September 2019, iaitu seramai 1,989,091 orang pelancong tempatan dan 1,122,793 orang pelancong dari luar negara. Ia menunjukkan berlakunya peningkatan sebanyak 8.5% berbanding tahun sebelumnya (Sabah Tourism Board, 2019). Peningkatan jumlah pelancong dari dalam dan luar negara menyebabkan berlaku peningkatan permintaan terhadap sektor penginapan. Oleh itu, kemudahan homestay persendirian (komersial) merupakan salah satu alternatif yang penting untuk menampung ketibaan pelancong yang semakin meningkat.

Homestay persendirian semakin berkembang pesat didorong oleh inisiatif seseorang untuk menjadikan sebahagian atau keseluruhan rumah beliau sebagai tempat penginapan pelancong atau pengunjung. Antara faktornya adalah anak-anak bekerja di tempat lain, kemudahan dalam rumah yang lengkap, rasa bosan duduk bersendirian serta peluang dalam menambah sumber pendapatan. Dalam konteks kes di Kota Belud, kepelbagaian produk pelancongan yang diperkenalkan di samping Tamu Besar Kota Belud yang dianjurkan pada bulan Oktober setiap tahun mendorong terhadap keperluan penginapan kepada pelancong dan pengunjung. Oleh itu, homestay persendirian adalah suatu alternatif dalam menyediakan kemudahan penginapan di daerah ini. Ini mendorong kajian dilakukan untuk meneliti ciri-ciri pengurusan pengusaha homestay persendirian yang memiliki cirinya tersendiri yang nyata berbeza dengan konsep program homestay komuniti yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia di bawah strategi pembangunan pelancongan di luar bandar.

## KAJIAN LITERATUR

### *Konsep Pelancongan dan Kemudahan Penginapan*

Pelancongan merupakan pergerakan sementara manusia dari suatu tempat ke tempat yang lain di luar daripada kegiatan rutin mereka. Seseorang individu itu akan menginap di suatu tempat tidak kurang daripada 24 jam dan tidak lebih daripada tempoh setahun untuk tujuan berhibur, berehat dan sebagainya (Mathieson & Wall, 1991). Pelancongan turut didefinisikan sebagai sesuatu aktiviti pengembaraan individu ke tempat luar daripada persekitaran asalnya dan menetap di tempat berkenaan iaitu tidak lebih daripada satu tahun bagi tujuan berehat, melakukan perniagaan dan sebagainya (World Tourism Organization, 1981). Pembangunan pelancongan turut disokong oleh kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh komuniti tempatan, pihak kerajaan tempatan dan persekutuan (Dina *et al.*, 2018).

Sektor penginapan merupakan sebahagian daripada kemudahan pelancongan yang termasuk dalam pakej percutian dan kekurangan sektor penginapan yang sesuai dan mencukupi akan menjadi penghalang kepada pelancong untuk ke destinasi yang ingin dituju (Brian, 1989). Sektor penginapan merupakan salah satu kemudahan yang menawarkan kemudahan asas dan perkhidmatan kepada pengunjung atau pelancong. Dengan ini, ia boleh didefinisikan sebagai mana-mana kemudahan yang menyediakan ruang selesa untuk seseorang atau sekumpulan orang untuk menginap.

### *Konsep Homestay Komuniti dan Homestay Persendirian*

Homestay komuniti merupakan program homestay yang berasaskan komuniti dan umumnya diuruskan oleh penduduk tempatan yang menawarkan pengalaman kepada pengunjung yang tinggal di homestay berkenaan. Program homestay ini boleh ditakrifkan sebagai projek sesama komuniti yang mempunyai potensi untuk memupuk perpaduan antara komuniti (Kalsom, 2011). Pelancongan berasaskan komuniti ini adalah suatu penjaan ekonomi dalam membangunkan komuniti khususnya di luar bandar. Selain itu, homestay komuniti ini bukan menyediakan kemudahan penginapan sahaja, malahan ia lebih menekankan kepada aspek gaya hidup dan budaya komuniti tersebut (Ruzila, 2017).

Homestay persendirian pula hanya menggunakan nama komersial 'homestay' sebagai penjenamaan agar ia lebih dikenali oleh masyarakat atau pihak luar. Menurut Ajis *et al.* (2020), konsep homestay persendirian ini adalah popular di beberapa destinasi pelancongan di negeri Sabah terutamanya di Kundasang. Homestay di daerah


pergunungan ini lebih kepada konsep homestay 'away' iaitu pelancong atau penginap tidak berkongsi rumah bersama dengan pengusaha homestay, sebaliknya tinggal di ruang rumah yang telah diluaskan atau pondok rumah atau bilik tambahan di sekitar tanah pengusaha homestay. Sebuah homestay persendirian hanya menyediakan kemudahan asas sahaja seperti bilik tidur, ruang tamu, ruang dapur dan bilik air (Ajis *et al.*, 2020). Homestay persendirian ini berbeza dengan program homestay komuniti kerana ia lebih mengutamakan penajanaan pendapatan atau keuntungan semata-mata (Hasalauddin, 2017).

#### *Teori Kitaran Hayat Pelancongan dan Kaitannya dengan Pembangunan Homestay Persendirian*

Kajian ini menggunakan Teori Kitaran Hayat Pelancongan yang diperkenalkan oleh Butler pada tahun 1980. Menurut beliau, pembangunan sesuatu destinasi pelancongan akan menempuhi lima peringkat pembangunan iaitu penerokaan, penglibatan, pembangunan, pengukuhan, tepu dan nafas baru. Pada peringkat penerokaan, pelancong berkunjung ke sesebuah destinasi disebabkan tarikan alam semula jadi dan pada masa itu, kemudahan masih terhad. Pada peringkat penglibatan, kawasan tersebut dikenal pasti mempunyai potensi untuk dijadikan pusat pelancongan yang melibatkan penduduk sekitarnya. Pada peringkat pembangunan, maka bermula kemasukan pelabur asing yang ingin mengawal pelancongan yang menyebabkan berlakunya konflik antara pelancong asing dengan penduduk tempatan. Seterusnya, pada peringkat terakhir ialah pengukuhan iaitu kemasukan pelancong yang ramai menyebabkan sektor penginapan tidak mampu menampung jumlah pelancong. Ini merupakan fasa terpenting untuk menentukan sama ada pembangunan pelancongan tersebut semakin berkembang atau merosot.

Untuk kajian kes di Kota Belud, model ini relevan dalam meneliti pembangunan dan pengurusan homestay persendirian yang terdapat di sini. Antara aspek yang boleh diteliti adalah aspek pembangunan, pengurusan dan penglibatan komuniti di kawasan yang dikaji. Pengusaha homestay persendirian merupakan penduduk yang tinggal di lokasi yang menjadi tumpuan penganjung dan pelancong tetapi kemudahan penginapan di situ adalah terbatas dan kurang. Penduduk yang tergolong daripada ahli keluarga pengusaha akan melibatkan diri dalam membangunkan pusat pelancongan di kawasan tersebut, contohnya sebagai penyedia kemudahan penginapan dan penjualan makanan dan minuman kepada pelancong. Pertambahan kemudahan asas yang disediakan akan menyebabkan berlakunya peningkatan kadar ketibaan pelancong ke sesebuah destinasi pelancongan. Berdasarkan model kitaran hayat ini, homestay persendirian di Kota Belud berada dalam fasa pembangunan (*development*).

RAJAH 1  
MODEL KITARAN HAYAT DESTINASI PELANCONGAN




Sumber: Butler (1980).

#### **METOD DAN KAWASAN KAJIAN**

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah pendekatan kaedah kualitatif dan kajian kes. Teknik pengumpulan data yang digunakan adalah temu bual menggunakan borang panduan temu bual, temu tidak langsung dan pemerhatian. Untuk itu, seramai lapan informan dari kalangan pengusaha homestay persendirian telah dikaji. Secara umumnya, terdapat lebih kurang 20 buah homestay persendirian di Kota Belud selain homestay komuniti iaitu Homestay Komuniti Taun Gusi. Untuk kajian ini, terdapat lapan homestay dan kemudahan penginapan persendirian yang terlibat iaitu Jafar Family Homestay, Pak Tuah Homestay, R&R Kota Belud Bypass Restoran, Rangbulan Homestay, SIU Motel, Tampe Tampe Homestay, Tempasuk Homestay dan Totoro's Homestay (Rajah 2).

RAJAH 2  
LOKASI PERLETAKAN HOMESTAY PERSENDIRIAN DI KOTA BELUD, SABAH



Sumber: ArcGis 10.4 (2019).

### DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

#### *Profil Demografik Informan*

Jadual 1 menunjukkan profil demografik informan terpilih untuk lapan pengusaha homestay persendirian yang dikaji di Kota Belud. Dari segi jantina, hasil kajian menunjukkan empat orang informan adalah lelaki dan empat yang lain adalah perempuan. Dari segi umur pula, terdapat dua informan berumur 56 tahun, seorang berumur 62 tahun, seorang 54 tahun, seorang 46, seorang 43 tahun, seorang 38 tahun dan seorang berumur 28 tahun. Seterusnya, terdapat enam informan telah berkahwin, seorang informan merupakan bapa tunggal dan seorang informan masih bujang. Majoriti informan berbangsa Bajau. Dari segi latar pendidikan, seramai tiga orang informan mendapat pendidikan sehingga peringkat sarjana muda, tiga orang informan memiliki tahap pendidikan sekolah rendah, seorang peringkat diploma dan seorang informan memiliki tahap pendidikan sehingga sekolah menengah. Seterusnya, mengikut aspek pekerjaan pula, terdapat dua orang informan merupakan pengusaha homestay, seorang guru, seorang penolong pegawai kastam, seorang nelayan, seorang persara, seorang suri rumah dan seorang merupakan ahli perniagaan. Kesemua informan adalah penduduk tempatan di Kota Belud.

JADUAL 1  
PROFIL DEMOGRAFIK INFORMAN HOMESTAY PERSENDIRIAN DI KOTA BELUD

Informan	Jantina	Taraf perkahwinan	Umur	Bangsa	Tahap pendidikan	Pekerjaan	Tempat Asal
001	P	Berkahwin	43	Bajau Ubian	Sekolah Rendah	Suri Rumah	Kg. Rang Bulan
002	P	Bujang	28	Bajau Ubian	Sarjana Muda	Guru	Kg. Rang Bulan
003	P	Berkahwin	62	Dusun Rungus	Sarjana Muda	Pesara	Kg. Kuala Abai
004	L	Duda/Bapa Tunggal	56	Bajau Ubian	Sekolah Rendah	Nelayan	Kg. Buah Pandai
005	L	Berkahwin	46	Dusun	Diploma	Penolong Pegawai Kastam	Kg. Tempasuk 1
006	L	Berkahwin	56	Bajau Samah	Sekolah Menengah	Ahli Perniagaan	Kota Belud
007	L	Berkahwin	54	Bajau Ubian	Sekolah Rendah	Pengusaha Homestay	Pulau Mantanani
008	P	Berkahwin	38	Bajau	Sarjana Muda	Pengusaha homestay	Kota Belud

Berdasarkan Jadual 2, kesemua homestay mula beroperasi dalam tempoh tahun 2010 hingga 2017, tempoh pembinaan hingga mula beroperasi pula pelbagai dari tiga bulan hingga 10 tahun. Dari segi kos perbelanjaan untuk membina homestay turut pelbagai, antaranya RM5,000, RM50,000, RM100,000 dan ada yang mencecah RM375,000. Majoriti sumber modal diperolehi daripada hasil pencarian dan simpanan sendiri, Jumlah pendapatan sebulan juga berbeza-beza antara RM500 sehingga RM9,000.

JADUAL 2  
 PROFIL PEMBANGUNAN HOMESTAY PERSENDIRIAN YANG DIUSAHAKAN DI KOTA BELUD

Informan	Tahun Operasi	Tempoh Penubuhan Homestay	Kos perbelanjaan (Anggaran/RM)	Sumber modal	Jumlah Anggaran Pendapatan Sebulan
001	2014	5 bulan	30,000 – 50,000	Hasil Pencarian Sendiri	RM2000
002	2015	3 bulan	50,000 – 80,000	Simpanan Peribadi dan Perkongsian Keluarga	RM1000 - RM2000
003	2015	3 tahun	100,000	Hasil Pencarian Sendiri	RM1000
004	2010	1 tahun 6 bulan	5,000	Hasil Pencarian Sendiri	RM500
005	2013	5 tahun	160,000 – 360,000	Pinjaman Bank	RM6000
006	2017	6 bulan	375,000	Hasil Pencarian Sendiri	RM9000
007	2013	5 tahun	50,000 – 70,000	Simpanan Peribadi	RM3000
008	2016	10 tahun	150,000	Bantuan daripada Keluarga	RM2500

Hasil kajian menunjukkan pengusaha homestay persendirian di Kota Belud menawarkan pelbagai kategori bilik, jumlah bilik dan harga sewaan (Jadual 3). Sebagai contoh, informan 001 menawarkan dua bilik *single bed* dan dua bilik lain *twin bed*. Berbeza dengan informan 003 yang menawarkan pakej 1 rumah yang mengandungi tiga bilik, informan 004 pula menawarkan tujuh bilik untuk 1 pakej rumah. Seterusnya, informan 007 pula menawarkan pakej satu rumah dan satu bilik. Sehubungan dengan itu, harga bayaran yang dikenakan untuk setiap bilik turut berbeza-beza. Contohnya, bilik *single bed* untuk Informan 001 dikenakan bayaran RM80 sehari manakala Informan 006 mengenakan bayaran sebanyak RM60 untuk jenis bilik yang sama. Demikian juga pakej untuk satu rumah, RM100 (Informan 002), RM220 (Informan 003) dan RM400 (Informan 005). Kajian ini selaras dengan hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Ajis *et al.* (2020) terhadap homestay persendirian di Kundasang, Sabah. Selain itu, pengusaha homestay turut menyediakan kemudahan lain seperti pakej penawaran sebuah rumah yang merangkumi bilik, ruang tamu dan dapur, tempat memanggang, tempat riadah dan sebagainya untuk kepuasan pelanggan. Menurut Muhammad Afiqsyah *et al.* (2016), antara faktor kepuasan pelanggan dalam kualiti perkhidmatan adalah dari segi kemudahan, harga, kebersihan dan keselamatan pelanggan sepanjang berada di homestay.

JADUAL 3  
 KATEGORI BILIK DAN PENAWARAN HARGA SEWAAN BILIK HOMESTAY PERSENDIRIAN

Informan	Kategori bilik dan jumlah bilik	Harga sewaan (RM)
001	<i>Single bed</i> – 2 bilik <i>Twin bed</i> – 2 bilik	<i>Single bed</i> – RM80 <i>Twin bed</i> – RM80
002	Pakej 1 rumah – 2 bilik (1bilik = 2 katil) <i>Single bed</i> – 5 bilik kecil	Pakej 1 rumah – RM100 <i>Single bed</i> – RM50
003	Pakej 1 rumah – 3 bilik Pakej rumah tradisi (kayu) – 3 buah <i>Dorm hostel</i> Bilik mewah Bilik bajet	Pakej 1 rumah – RM220 Pakej rumah tradisi (kayu) – RM150 <i>Dorm hostel</i> – RM150 Bilik mewah – RM70 Bilik bajet – RM50
004	Pakej 1 rumah – 7 bilik	1 bilik – RM50
005	Tingkat atas – 3 bilik Tingkat bawah – 3 bilik Pakej 1 rumah – 6 bilik	Tingkat atas – RM200 Tingkat bawah – RM250 Pakej 1 rumah – RM400
006	<i>Single room</i> – 1 bilik <i>Deluxe room</i> – 2 bilik <i>Suite room</i> – 1 bilik <i>Family room</i> – 2 bilik	<i>Single room</i> – RM60 <i>Deluxe room</i> – RM80 <i>Suite room</i> – RM250 <i>Family room</i> – RM 100
007	Pakej 1 rumah Satu bilik	Pakej 1 rumah – RM80 Satu bilik – RM50
008	Pakej 1 rumah – 3 bilik = 2 bilik katil <i>queen</i> , 1 bilik katil <i>twin single</i> Rumah tanpa bilik – 4 buah	Pakej 1 rumah – RM250 (hari) Bilik katil <i>queen</i> – RM70 Bilik katil <i>twin single</i> – RM50 Sewaan bulanan rumah tanpa bilik – RM400

*Ciri-Ciri Pengurusan Homestay Persendirian di Kota Belud*

## (a) Tata Cara Pendaftaran dan Kriteria Utama Homestay Persendirian

Hasil kajian mendapati terdapat tiga proses yang perlu dilakukan oleh pengusaha iaitu membuat pendaftaran homestay persendirian di Kota Belud sebelum memulakan operasi perniagaan, memenuhi kriteria utama yang ditetapkan oleh pihak berkepentingan dan menyertai kursus atau latihan yang ditetapkan kepada pihak pengusaha homestay. Menurut Velan (2019), bakal pengusaha homestay haruslah sedar terhadap beberapa syarat asas sebelum menubuhkan sesebuah program homestay seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (MOTAC). Berdasarkan kajian ini, bagi proses pendaftaran homestay persendirian, terdapat beberapa jabatan atau agensi yang terlibat antaranya Persatuan Homestay Sabah (*Sabah Homestay Association*), MOTAC, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan & Alam Sekitar Sabah (KEPKAS), Institusi Kemajuan Luar Bandar (INFRA) dan Pejabat Daerah. Rajah 2 menunjukkan carta alir pendaftaran homestay persendirian.

RAJAH 2  
CARTA ALIR PROSES PENDAFTARAN HOMESTAY PERSENDIRIAN

Pejabat Daerah → Institusi Kemajuan Luar Bandar (INFRA) → Kementerian Pelancongan, Kebudayaan & Alam Sekitar Sabah (KEPKAS) → Persatuan Homestay Sabah (*Sabah Homestay Association*) dan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (MOTAC)

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, terdapat beberapa prosedur yang perlu dipatuhi oleh setiap pengusaha homestay persendirian. Prosedur pendaftaran perlu dilakukan bagi memudahkan proses perancangan, pembangunan dan promosi homestay oleh pihak berkepentingan seperti Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar. Di samping itu, pengusaha perlu memenuhi beberapa kriteria yang ditetapkan. Sekiranya pemohon sudah memenuhi semua kriteria atau syarat yang ditetapkan, mereka boleh mengajukan pendaftaran homestay kepada pihak yang berwajib. Namun begitu, sebelum permohonan mereka diluluskan, wakil daripada pihak berwajib akan membuat lawatan untuk menilai kemudahan dan kediaman pengusaha. Hal ini kerana empat aspek penting yang harus diberi perhatian oleh bakal pengusaha homestay ialah lokasi homestay, kebersihan, kemudahan asas dan keselamatan (Velan, 2019).

## (b) Pemantauan, Kursus dan Latihan untuk Pengusaha Homestay Persendirian

Berdasarkan hasil kajian, hampir keseluruhan pemilik homestay terlibat dengan pemantauan, kursus dan latihan yang telah disediakan. Terdapat kursus dan latihan yang dijalankan oleh pihak berkuasa ke atas setiap pengusaha yang terlibat dalam mengusahakan homestay persendirian. Pihak pengusaha perlu menyertai latihan dan kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar. Kursus dan latihan ini diadakan bagi memberikan kemahiran dalam sistem pengurusan perniagaan homestay. Secara tidak langsung, pengusaha dapat meningkatkan kemahiran mereka dalam menguruskan perniagaan homestay dengan lebih baik. Pemantauan juga dilakukan oleh pihak berkuasa terhadap homestay. Menurut seorang informan:

*...ya ada juga orang datang check homestay ni macam diaorang dari pejabat kesihatan, bomba, polis pun ada dan dari pejabat daerah pun ada juga. Kadang-kadang tidak tentu juga la ada sekali sebulan tapi tidak juga macam setiap bulan dorang pergi check tu. Kalau kursus tu memang ada masa mula-mula mau buat homestay ni. Masa mula dulu yang ada buat kursus atau latihan macam MOTAC (Ministry of Tourism Malaysia) dan KEPKAS (Kementerian Pelancongan, Kebudayaan & Alam Sekitar Sabah) kalau saya ingat...*

(Informan 003, 62 tahun)

## (c) Jenis Medium dalam Mempromosi Homestay Persendirian

Medium merupakan cara atau kaedah yang digunakan untuk mencapai sesuatu. Menurut kamus Dewan Edisi Keempat, medium adalah bahan atau sesuatu yg menjadi perantara bagi menghasilkan sesuatu kesan. Hasil kajian menunjukkan setiap informan menggunakan melebihi sejenis medium promosi antaranya adalah laman sesawang, promosi daripada rakan atau saudara mara, banner atau banting, TV dan radio dan agensi pelancongan (Jadual 4).

Bil.	Jenis medium	Bilangan responden
01	Media sosial ( <i>Facebook</i> dan <i>Whatsapps</i> dll.)	8
02	Rakan-rakan dan saudara mara	4
03	Banner atau banting	3
04	TV dan radio	2
05	Agensi pelancongan	2

Hasil kajian mendapati medium promosi homestay iaitu penggunaan media sosial seperti *Facebook* dan *Whatsapps* merupakan medium yang paling tinggi digunakan semua informan. Terdapat empat informan iaitu Informan 001,005,006 dan 007 yang mempromosikan homestay mereka dengan bantuan atas rakan-rakan dan saudara mara. Selain itu, terdapat tiga orang pengusaha homestay (Informan 004,005 dan 008) menyatakan bahawa banner dan banting digunakan untuk mempromosikan homestay mereka. Seterusnya, terdapat dua orang pengusaha homestay menggunakan televisyen dan radio dan dua orang pengusaha lain pula mempromosikan homestay mereka melalui agensi pelancongan. Kepelbagaian kaedah promosi ini memainkan peranan penting bagi memastikan keberkesanan pembangunan homestay dengan lebih drastik. Penemuan ini menyokong pernyataan Kalsom (2005) iaitu aktiviti pemasaran merupakan aspek penting untuk menentukan kedatangan pengunjung.

Berdasarkan temu bual, informan menyatakan pendapat bahawa penggunaan media sosial seperti *Facebook* dan *Whatsapps* merupakan cara paling berkesan dan mudah untuk membuat promosi homestay kepada orang ramai. Menurut responden tersebut:

*Kalau dulu mula-mula mahu buat promosi... kami minta Kementerian Pelancongan yang tolong promosikan homestay kami. Kami gantung juga banner di luar simpang di pekan sana. Tapi, bila ada dan sudah tahu guna internet ni ada juga saya suruh anak-anak kami buat promosi di media sosial macam Facebook dan Whatsapp.*

*(Informan 003, 62 tahun)*

(d) Tarikan Utama atau Keistimewaan yang Ditawarkan oleh Pengusaha Homestay Persendirian

Berdasarkan kajian yang dijalankan, terdapat pelbagai tarikan utama yang ditawarkan oleh pengusaha homestay bagi menarik perhatian pengunjung. Antaranya adalah perkhidmatan yang memuaskan, kemudahan yang mencukupi, penawaran harga yang berpatutan, lokasi yang menarik dan strategik dan kekurangan kemudahan penginapan di kawasan mereka. Ini disokong oleh hasil temu bual:

*Saya rasa dari segi kebersihan yang tarikan orang kah macam mana? Berdekatan dengan tempat-tempat seperti restoran, apa tu speedmart, supermarket. Arh... saya rasa itulah tarikan utama sebab orang kan mahu menginap. Saya rasa itulah fasiliti. Buat masa sekarang banyak homestay tapi di sini kan ini sajalah satu... homestay saya memang murah lah. Walaupun ia tiada aircond kan tapi orang masih apalah mahu tidur... yang basis semua ada, shower...*

*(Informan 008, 38 tahun)*

Hampir semua informan (kecuali informan 003) menjelaskan bahawa lokasi yang strategik dan menarik merupakan daya tarikan utama pengunjung memilih untuk menginap di homestay mereka. Penawaran harga yang berpatutan dan setanding dengan keadaan homestay yang diusahakan iaitu menawarkan harga sewaan yang lebih rendah merupakan tarikan bagi pengunjung yang ingin menginap di homestay persendirian. Perkhidmatan yang memuaskan dan kemudahan yang disediakan mencukupi juga merupakan faktor penting tarikan pelanggan. Menurut Jabil *et al.* (2011), setiap program homestay mempunyai keunikan dan daya tarikan tersendiri. Perkhidmatan yang baik dan selesa serta fasiliti yang mencukupi seperti air yang bersih, sumber tenaga elektrik yang selamat dan pengangkutan awam merupakan salah satu tanda aras kepada produk yang berkualiti. Di samping itu, terdapat seorang informan menyatakan bahawa kekurangan homestay di kawasan sekeliling homestaynya merupakan satu kelebihan baginya bagi menarik perhatian pengunjung dan pelancong untuk menginap di homestay beliau (Informan 008).

JADUAL 5  
TARIKAN UTAMA HOMESTAY KOMERSIAL DI KOTA BELUD

Informan	Perkhidmatan yang memauskan	Lokasi yang menarik dan strategik	Penawaran harga yang berpatutan	Kemudahan yang disediakan	Kekurangan kemudahan penginapan di kawasan ini
001	√	√	√		
002		√	√	√	
003	√		√	√	
004		√	√		
005	√	√		√	
006	√	√	√	√	
007		√	√		
008		√	√	√	√

(e) Cara Pendaftaran Masuk untuk Penginapan di Homestay Persendirian

Cara pendaftaran untuk menginap di homestay persendirian adalah mudah dan ringkas. Pengusaha hanya perlu merekodkan nama penginap, menerima bayaran seterusnya menyerahkan kunci bilik kepada pelancong atau pengunjung yang menginap di homestay berkenaan. Namun begitu, wang pendahuluan (*deposit*) juga perlu dibayar kepada pengusaha homestay untuk mengesahkan tempahan bilik untuk mengelakkan kerugian dan memberi peluang orang lain untuk menginap, sekiranya tempahan terdahulu dibatalkan. Amalan ini sejajar dengan kajian Jabil *et al.* (2015) terhadap pengusaha homestay persendirian di Pulau Mabul. Konsep 'homestay' secara persendirian adalah popular di pulau ini yang didirikan dalam perkampungan komuniti di atas air laut. Ia menyediakan bilik penginapan dengan harga yang berpatutan. Pada umumnya, tempahan boleh dibuat secara talian melalui Facebook atau menghubungi terus pengusaha homestay. Pernyataan ini disokong oleh salah satu pengusaha homestay berikut:

*Sangat mudah tidak perlu isi borang apa macam. Bagitau pada owner, owner bagi kunci. Keluar pun begitu. Sebab bagi win-win situation kan... tidak mau bagi durang susah kami pun susah sebab buat macam tu saja. Usually, kalau booking dengan deposit itu yang diutamakan. Tapi kalau book sometimes durang tidak datang. Macam seminggu before durang sudah book sekali tengok tidak datang. Itu yang menyebabkan kerugian la sebab tidak datang. Orang lain tidak dapat masuk sebab durang.*

(Informan 002, 28 tahun)

(f) Kemudahan yang disediakan oleh Pengusaha Homestay Persendirian

Jadual 6 menunjukkan kemudahan asas yang disediakan oleh pengusaha homestay persendirian iaitu bilik tidur, dapur, ruang tamu, tempat BBQ, tempat riadah, tandas dan bilik mandi serta tempat letak kenderaan. Jumlah bilik yang disediakan pula adalah berbeza mengikut kemampuan pengusaha. Jumlah kemudahan bilik paling tinggi adalah sebanyak 25 buah, manakala informan lain memiliki antara iaitu empat hingga 10 buah bilik. Seterusnya, kemudahan lain seperti dapur, ruang tamu disediakan oleh kesemua informan kecuali Informan 006 dan 007. Informan 008 pula tidak menyediakan kemudahan tempat BBQ dan tempat beriadah. Manakala, kemudahan seperti tandas, bilik mandi dan tempat letak kereta disediakan oleh kesemua informan.

JADUAL 6  
KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH PENGUSAHA HOMESTAY PERSENDIRAN DI KOTA BELUD

Kemudahan	001	002	003	004	005	006	007	008
Bilik tidur	4	7	7	7	6	25	10	7
Dapur	0	1	2	1	2	0	0	5
Ruang tamu	1	1	2	1	2	1	0	5
Tempat BBQ	1	2	2	1	1	1	2	0
Tempat riadah	1	1	1	1	1	0	1	0
Tandas / bilik mandi	4	2	2	1	4	25	7	7
Letak kenderaan	1	1	1	1	1	1	1	2



**KESIMPULAN**

Kesimpulannya, homestay persendirian mendapat permintaannya yang tersendiri dan potensi ini boleh dimajukan disebabkan peningkatan sektor pelancongan di daerah Kota Belud. Homestay persendirian merupakan kemudahan penginapan alternatif yang dapat menampung keperluan dalam sektor perkhidmatan penginapan sedia ada seperti resort, hotel dan motel. Kepesatan ini sejajar dengan pelan strategik yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah melalui Lembaga Pelancongan Sabah (Sabah Tourism Board) dalam usaha memperkasa sektor pelancongan luar bandar di beberapa daerah terpilih, antaranya Kota Belud. Impak pembangunan beberapa destinasi pelancongan di daerah ini mendorong kepada peningkatan ketibaan pelancong sekali gus memberikan manfaat kepada pengusaha homestay persendirian. Pelbagai strategi perlu dilaksanakan oleh pihak pemegang taruh yang berkenaan agar homestay persendirian lebih dikenali dan terus berdaya saing pada masa hadapan.

**RUJUKAN**

- Ajis Lepit, Jabil Mapjabil dan Mazdi Marzuki. (2020). Penglibatan komuniti dalam program homestay persendirian di luar bandar. Dlm. Jabil Mapjabil, Ahmad Puad Mat Som dan Mazdi Marzuki (eds.). *Pemeriksaan Komuniti Luar Bandar Melalui Pelancongan*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- ArcGIS. (2019). Lokasi perletakan homestay persendirian di Kota Belud, Sabah. Makmal GIS, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah.
- Brian, G. (1989). Tourist Accommodation: A Destination Area Perspectives. *Tourist Accommodation* 15(2): 78-91.
- Butler, R. W. (1980). The Concept of a Tourism Cycle of Evolution. *Canadian Geography* 24.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2019). Diakses daripada: <http://prpm.dbp.gov.my> pada 2/12/2019.
- Dina Mayasari Soeswoyo, Sekti Rahardjo and Putu Swasti Asparini. (2018). Tourism components and the perspective of hospitality industry in supporting sustainable urban tourism development. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research 3<sup>rd</sup> International Seminar on Tourism* 259.
- Hasalauddin Kadir. (2017). *Peranan Homestay Komersial di Pulau Mabul*. Projek Latihan Ilmiah. (Tidak diterbitkan). Program Geografi, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah.
- Jabil Mapjabil, Siti Asma' Mohd Rosdi, Munir Shuib dan Sharmini Abdullah (2011). Pembangunan Program Homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia: Profil, Produk dan Prospek. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 7(2): 45-54.
- Jabil Mapjabil, Suriani Che Ismail, Badariah Ab Rahman, Tarmiji Masron, Ruzila Ismail and Rosmiza Mohd Zainol. (2015). Homestays - Community Programme or Alternative Accommodation? A Re-evaluation of Concept and Execution. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*. Themed Issue on Frontiers of Malaysia's Alternative Tourism 11(12): 1-8.
- Kalsom Kayat. (2005). The Nature of Cultural Contribution of a Community-based Homestay Programme. *Tourismos: An International Multidisciplinary Journal of Tourism* 5 (2):145-159.
- Mathieson, A. dan Wall, G. (1982). *Tourism: Economic, Physical and Social Impacts*. Longman House, New York NY.
- Muhammad Afiqsyah Mohd Ramli, Muhammad Arif Nasir, Dina Syamilah Zaid dan Hartini Adenan. (2016). Kepuasan Pelanggan Terhadap Kualiti Perkhidmatan Homestay Di Melaka: Kajian Kes di Homestay Seri Tanjung. *Journal of Hospitality and Networks* 1 (2016): 81-90.
- Ruzila Ismail. (2017). *Penilaian terhadap Pelaksanaan dalam Pembangunan Program Homestay Walai Tokou, Kundasang, Sabah*. Tesis Sarjana (Tidak diterbitkan). Program Geografi, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah.
- Sabah Tourism Board. (2019). Sabah Tourism Statistics (Sabah Tourism Arrivals January - September 2019). Diakses daripada <https://www.sabahtourism.com/statistics/> pada 9/12/2019.
- Velan Kunjuran. (2019). Kajian terhadap Syarat dan Fenomena Semasa dalam Pembangunan Program Homestay di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space* 15(1): 84-97.
- World Tourism Organization. (1981). *Guidelines for the Collection and Presentation of Domestic and International Tourism Statistics*. Madrid: WTO.